D.R. 3/2026

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

[ ]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2026.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 1

2. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dipinda dalam seksyen 1 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ("Akta 127").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 1 Akta 127 dengan memasukkan subseksyen (3) baharu untuk memberikan Menteri kuasa untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta 127 di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3448]